

MANAGING DIRECTOR'S REVIEW

The vehicle market in Malaysia had a slow start in 2004 with much uncertainty in the automotive industry, following the government's announcement of changes in the vehicle duty structure at the end of the previous year. The market picked up during the year with the economy growing at 7.1% and record sales of 487,000 vehicles were achieved, 20% above the previous year. The growth was reflected largely in the non-national vehicle sales, which were 43% up on 2003 and accounted for 33% of the total market, compared to 28% in the previous year. A proliferation of new entrants into the market and easy financing options created a wide choice for consumers and this growth is expected to continue into 2005, albeit at a lower rate.

MERCEDES-BENZ

Mercedes-Benz passenger car sales represented 45% of the luxury car segment, 2% higher than 2003 and Cycle & Carriage Bintang ("CCB") contributed to this improvement with sales of 1,393 units, its best retail performance since 1998. Retail margins were however, affected by competition from other luxury marques, parallel importers and the run out of the pre-facelift C-Class. E-Class sales however, remained strong and the model retained its position as the preferred executive sedan in Malaysia. Commercial vehicle sales at 179 units were affected by strong competition and a shortage of products.

Contribution from after-sales continued to improve, recording the highest ever number of completed jobs. As important was an improvement in the customer satisfaction rating, with over 2,000 customers surveyed by an independent agency, expressing improvements in all areas during the year. This focus will continue in 2005.

The Group opened the first Autohaus dealership in Ipoh and also announced the development of two more showrooms in Petaling Jaya and Mutiara Damansara for 2005. This investment in the future of the Mercedes-Benz brand is an indication of the confidence the Group has in the future product offerings and co-operation with DaimlerChrysler Malaysia ("DCM"), the Group's 49%-held associate.

MAZDA

The Mazda franchise continued to make good progress in Malaysia with the launch of two new models, the Mazda 6 and the Arista which helped to double the marque's contribution to the Group's overall performance. Sales increased by 16% but, margins which were strong in the first half of the year, were affected by the strength of the Japanese Yen in the second half. A total of 11 new dealers were added to the network following a restructuring exercise and this will continue into 2005 with a focus on after-sales. New products to be launched in 2005 will provide further opportunities for the franchise, although the success of the brand on a global scale has affected the allocation of stock to Malaysia.



PEUGEOT

The Peugeot franchise was profitable in its second full year of operations although margins were affected by the rising Euro. Within the European segment, the brand performed well and the launch of the 407 in October generated much interest with 65 units delivered before the year end and a healthy order book going into 2005. Further product introductions are due in 2005 and the prospects, whilst remaining cautious due to the uncertainty of currency markets, look positive.

ASSEMBLY

The assembly operations continued to do well with a positive contribution to the Group's results, following the rationalization programme in 2003. The production schedules set by DCM were met and the quality increased to a level significantly above the agreed targets. In early 2005, the Group announced that it had reached agreement with DCM to terminate the assembly contracts for C-Class, S-Class, commercial vehicles and engines by the end of July 2005, in line with DCM's strategy of consolidating its assembly operations in Pekan. An exceptional charge was made to the 2004 accounts to reflect the retrenchment costs arising from the early termination. The Company is reviewing options with respect to the assembly plant facilities.

CYCLE & CARRIAGE MALAYSIA ("CCM")

Cycle & Carriage Malaysia became a wholly-owned subsidiary of CCB in March 2004, with the purchase of the 70% interest held by holding company, Jardine Cycle & Carriage Limited. Unfortunately, trading was adversely affected by the overall performance of the Proton franchise, whose market share dipped significantly in 2004. The other brands within the multi-franchise portfolio performed better, although Kia sales were affected by a lack of adequate supply. The company moved into new premises in the middle of the year, disrupting business for a period. The parts wholesale operation continued to grow and provided a strong gross profit. The insurance operations too increased its business levels.

CCL GROUP PROPERTIES

Consistent with the Group's policy of exiting non-core or low-yielding assets, CCL Group Properties completed the sale of Menara Weld in 2004 and the sale of Wisma Cyclecarri in January 2005.

The Group's businesses continue to operate well in a challenging and competitive market and in an environment of structural change.

RATIONALIZATION AND RESTRUCTURING

The rationalization and restructuring of the Group continued in 2004 and through two successful selective voluntary separation schemes, headcount was reduced by a further 119 during the year, bringing the total reduction over the past 15 months to 230. This necessary action has provided a stable platform for 2005 and beyond.

Two properties, surplus to requirements, were disposed of during the year and capital gains reflected in the 2004 accounts.

Whilst much of the restructuring has been completed, there is an ongoing review to ensure that the Group is appropriately positioned to reflect its current business and future development plans.

OUTLOOK

The Group's businesses continue to operate well in a challenging and competitive market and in an environment of structural change. Whilst it is expected that the total market will expand in 2005, the margin structure is expected to remain under pressure. However, with all three brands represented by the Group growing in 2004, and with the continued support from the principals, the outlook remains positive for both the existing businesses and new opportunities for growth.

Steven Gareth Foster
Managing Director

TINJAUAN PENGARAH URUSAN

Pasaran kenderaan di Malaysia bermula agak lembap pada tahun 2004 dengan pelbagai ketidaktentuan dalam industri automotif berikutan pengumuman kerajaan berhubung perubahan dalam struktur duti pada akhir tahun sebelumnya. Pasaran pada tahun tersebut beransur kukuh dengan pertumbuhan ekonomi pada kadar 7.1% dan rekod jualan kenderaan sebanyak 487,000 unit berjaya dicapai, iaitu 20% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan tersebut sebahagian besarnya dicapai menerusi jualan kenderaan bukan nasional yang meningkat sebanyak 43% daripada tahun 2003 dan meliputi 33% daripada keseluruhan pasaran berbanding 28% pada tahun sebelumnya. Pertambahan kemasukan baru ke dalam pasaran dan opsyen pembiayaan yang mudah telah menyediakan pilihan yang luas kepada pengguna. Pertumbuhan ini dijangka akan berterusan hingga tahun 2005, walaupun pada kadar yang lebih rendah.

MERCEDES-BENZ

Jualan kereta penumpang Mercedes-Benz mewakili 45% daripada segmen kereta mewah, meningkat 2% berbanding tahun 2003 di mana Cycle & Carriage Bintang ("CCB") menyumbang jualan sebanyak 1,393 unit kepada peningkatan tersebut. Ini adalah prestasi penjualan runcitnya yang terbaik pernah dicapai sejak tahun 1998. Walau bagaimanapun, margin jualan telah dijejaskan oleh persaingan daripada jenama-jenama mewah lain, pengimport jenama yang sama dan kehabisan C-Class sebelum diubahsuai. Walau bagaimanapun, jualan E-Class kekal kukuh dan model tersebut masih mengekalkan kedudukannya sebagai sedan eksekutif pilihan di Malaysia. Jualan kenderaan komersial sebanyak 179 unit adalah disebabkan oleh saingan yang hebat dan kekurangan bekalan produk.

Sumbangan daripada perkhidmatan selepas jualan terus meningkat dengan catatan tertinggi pernah dicapai dalam bilangan kerja yang diselesaikan. Juga tidak kurang pentingnya ialah peningkatan tahap kepuasan pelanggan, di mana hasil kajian yang dijalankan oleh sebuah agensi bebas di kalangan lebih 2,000 orang pelanggan menyatakan bahawa terdapat peningkatan dalam semua bidang pada tahun ini. Fokus ini akan diteruskan pada tahun 2005.

Kumpulan telah membuka Autohaus yang pertama di Ipoh dan turut mengumumkan pembangunan dua buah lagi ruang pameran di Petaling Jaya dan Mutiara Damansara bagi tahun 2005. Pelaburan dalam masa depan Mercedes-Benz ini adalah satu petanda menunjukkan keyakinan Kumpulan terhadap tawaran produk masa depan dan kerjasama dengan DaimlerChrysler Malaysia ("DCM"), syarikat dimana Kumpulan mempunyai pegangan sebanyak 49%.

MAZDA

Francais Mazda terus mencapai kemajuan yang memberangsangkan di Malaysia dengan pelancaran dua model baru, Mazda 6 dan Arista yang membantu menggandakan sumbangan jenama tersebut kepada prestasi keseluruhan Kumpulan. Walaupun jualan meningkat sebanyak 16%, namun margin yang pada mulanya kukuh sepanjang setengah tahun pertama, telah dijejaskan oleh keteguhan Yen Jepun pada setengah tahun kedua. Berikutan pelaksanaan penyusunan semula, 11 wakil penjual baru telah ditambah ke dalam rangkaian jualan dan ini akan diteruskan hingga tahun 2005 dengan tumpuan diberikan kepada perkhidmatan selepas jualan. Walaupun kejayaan jenama tersebut di peringkat global telah menjejaskan peruntukan stok ke Malaysia, namun, produk-produk baru yang bakal dilancarkan pada tahun 2005 akan membuka lebih banyak peluang kepada francais tersebut.



PEUGEOT

Francais Peugeot menjana keuntungan pada tahun penuh kedua operasinya walaupun margin yang diperolehi telah dijejaskan oleh kenaikan Euro. Dalam segmen kereta Eropah, jenama tersebut mencatat prestasi yang baik. Pelancaran model 407 pada bulan Oktober telah mencetuskan minat yang lebih tinggi dengan 65 unit dijual sebelum akhir tahun serta pesanan yang memberangsangkan telah diterima bagi tahun 2005. Walaupun masih berwaspada dengan ketidaktentuan pasaran matawang, namun prospek pengenalan produk selanjutnya yang akan dilaksanakan pada tahun 2005 dijangka positif.

PEMASANGAN

Operasi pemasangan terus teguh dengan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan berikutan program rasionalisasi pada tahun 2003. Jadual pengeluaran yang ditetapkan oleh DCM telah dipenuhi dan kualiti meningkat ke satu tahap melangkaui sasaran yang dipersetujui. Sejalan dengan strategi DCM untuk menyatukan operasi pemasangannya di Pekan, pada awal tahun 2005, Kumpulan telah mengumumkan bahawa ia telah mencapai persetujuan dengan DCM untuk memberhentikan kontrak pemasangan bagi C-Class, S-Class, kenderaan komersial dan enjin menjelang akhir bulan Julai 2005. Satu caj terkecuali telah dibuat kepada akaun tahun 2004 untuk menunjukkan kos pengurangan pekerja akibat pemberhentian awal tersebut. Syarikat sedang mengkaji pilihan lain berhubung kemudahan loji pemasangan.

CYCLE & CARRIAGE MALAYSIA (“CCM”)

Cycle & Carriage Malaysia menjadi syarikat subsidiari milik penuh CCB pada bulan Mac 2004 dengan pembelian 70% kepentingan yang dipegang oleh syarikat induk, Jardine Cycle & Carriage Limited. Malangnya, keseluruhan prestasi francais Proton yang mengalami penurunan pasaran yang ketara pada tahun 2004 telah membawa kesan negatif kepada perdagangan. Walaupun jualan Kia turut terjejas oleh kekurangan bekalan, namun jenama-jenama lain dalam portfolio pelbagai francais tersebut masih menunjukkan prestasi yang lebih baik. Perpindahan syarikat ke premis baru pada pertengahan tahun ini juga telah mengganggu perniagaan untuk beberapa ketika. Dalam pada itu, operasi jualan borong komponen kenderaan terus berkembang dan menyumbangkan keuntungan kasar yang teguh. Begitu juga dengan operasi insuran yang telah mempertingkatkan tahap perniagaannya.

CCL GROUP PROPERTIES

Konsisten dengan dasar Kumpulan berhubung pelupusan aset bukan teras atau yang menghasilkan pulangan rendah, CCL Group Properties telah menyelesaikan jualan Menara Weld pada tahun 2004 dan jualan Wisma Cyclecarri pada bulan Januari 2005.

Perniagaan Kumpulan terus beroperasi dengan baik walaupun dalam keadaan pasaran mencabar dan bersaing serta dalam persekitaran perubahan struktur.

RASIONALISASI DAN PENYUSUNAN SEMULA

Rasionalisasi dan penyusunan semula Kumpulan diteruskan pada tahun 2004. Melalui kejayaan dua skim pengasingan sukarela selektif, bilangan kakitangan telah dikurangkan sebanyak 119 orang lagi pada tahun ini, menjadikan jumlah pengurangan sepanjang 15 bulan yang lalu kepada 230 orang. Tindakan yang sewajar ini telah menyediakan platform yang stabil untuk tahun 2005 dan tahun-tahun akan datang.

Dua hartanah yang merupakan lebih keperluan, telah dijual pada tahun ini dan keuntungan modal ditunjukkan dalam akaun tahun 2004.

Walaupun sebahagian besar proses penyusunan semula telah diselesaikan, namun kajian berterusan masih dijalankan bagi memastikan Kumpulan berada pada kedudukan yang wajar, bersesuaian dengan perniagaan semasa dan rancangan pembangunan masa depannya.

SUASANA MASA DEPAN

Perniagaan Kumpulan terus beroperasi dengan baik walaupun dalam keadaan pasaran mencabar dan bersaing serta dalam persekitaran perubahan struktur. Walaupun keseluruhan pasaran dijangka berkembang pada tahun 2005, namun struktur margin dijangka kekal tertekan. Sungguhpun begitu, dengan perkembangan ketiga-tiga jenama yang diwakili oleh Kumpulan pada tahun 2004, dan dengan sokongan berterusan daripada prinsipal, suasana masa depan kekal positif bagi perniagaan sedia ada dan peluang-peluang baru untuk pertumbuhan.

Steven Gareth Foster
Pengarah Urusan